

# Pertarungan akhir antara

## Pasukan UMS, MX10 malam ini

**KOTA KINABALU:** Perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Line-7/SAFA Bandaraya Kota Kinabalu 2009 antarapasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan MX10 akan berlangsung di Stadium Likas malam ini (7.30 malam).

Kedua-dua pasukan tersebut menempah tempat ke perlawanan akhir selepas mengetepikan lawan masing-masing pada perlawanan separuh akhir penghujung tahun lalu.

Perlawanan separuh akhir pertama menyaksikan MX10 menumpaskan Penjara FC 2-1 manakala UMS turut mencatat kemenangan sama ke atas Likas United pada separuh akhir kedua.

Pertarungan antara MX10 dan Penjara FC berlarutan sehingga ke masa tambahan apabila kedua-dua pasukan terikat dengan kedudukan seri 1-1 pada sepenuh masa permainan.

Pada perlawanan itu, Penjara FC lebih awal berada di hadapan hasil jaringan Victor Joannes pada minit ke-10. Gol tersebut berpunca dari hantaran lintang bekas pemain Sabah, Gilbert Junior untuk disudahkan dengan mudah oleh Victor.

MX10 menjaringkan gol penyamaan menerusi rembatan jarak jauh Md Marwan Shah Ahmad pada minit ke-77 untuk membawa perlawanan ke masa tambahan.

Dan Nazley Puasa muncul wira MX10 apabila menjaringkan gol kemenangan menerusi sepakan percuma yang berjaya menewaskan penjaga gol Penjara FC.

Perlawanan separuh akhir

kedua pula menyaksikan UMS lebih awal berada di hadapan hasil jaringan dari sepakan penalti Azhar Samsuddin pada minit ke-15.

Azhar bagaimanapun menghadirkan resah buat UMS apabila diperintah keluar padang selepas mengutip kad kuning kedua untuk dilayangkan kad merah tiga minit sebelum separuh masa pertama tamat.

Likas United memanfaatkan kesempatan itu untuk menjaringkan gol penyamaan pada minit ke-69 menerusi percubaan lambung ketua pasukannya, Faizal Ahmad yang gagal dijangkau penjaga gol UMS, CVliff Richard yang tidak berada di kedudukan yang tepat.

K e m e n a n g a n bagaimanapun akhirnya berpihak kepada UMS hasil jaringan Rainol Masaat pada minit ke-74. Rainol menolak mudah bola tampanan penjaga gol Likas United, Afizan paka terhadap percubaan Nelmon Geoffrey sebelumnya.

Setiausaha kejohanan, Andrew Majang gim ketika dihubungi kelmarin memberitahu bahawa perlawanan akhir malam ini juga menjanjikan pertarungan sengit dan menarik.

Kejohanan yang telah berlangsung sejak Julai tahun lalu tersebut disertai 24 pasukan yang dibahagikan kepada empat kumpulan.

Pasukan bersaing secara liga satu pusingan di peringkat kumpulan bagi menentukan dua pasukan teratas mara ke pusingan kalah mati.

Kejohanan anjuran DBKK tersebut menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM9,500 di samping piala dan medal.